

Cadangan Proton untuk kereta rasmi kerajaan

Inspira ganti Perdana

KOSMO 19/1/2011 M3 16.

Oleh SITI KAMILAH MUSTAPHA
kamilah.mustapha@kosmo.com.my

SUBANG JAYA - Proton Inspira atau Proton Perdana Eksekutif baru dicadangkan sebagai pengganti Proton Perdana jenis standard yang kini menjadi kenderaan rasmi pegawai kanan kerajaan.

Pengarah Urusan Proton Holdings Bhd. (Proton), Datuk Syed Zainal Abidin Syed berkata, cadangan itu sudah dihantar kepada kerajaan dan kini terpujang kepada kerajaan memilih model Proton yang sesuai.

"Dengan adanya model Proton Inspira 2.0 CVT (Transmisi Penghantaran Berubah Berterusan), ia boleh menggantikan model Perdana standard kerana ia lebih murah walaupun mempunyai kelajuan yang sama. Proton Perdana Eksekutif pula akan dinaik taraf supaya lebih berdaya saing," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu beliau mengiringi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Penasihat Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Pasukan Rali Proton Motorsport 2011 di Pusat Kecemerlangan Proton di sini.

Pasukan itu bakal beraksi di Cabaran Rali Antara Benua (IRC) di Monte Carlo pada 18 hingga 22 Januari nanti. Menurut Syed Zainal, Proton Per-



PROTON INSPIRA

dana jenis standard telah lama digunakan oleh pegawai kanan kerajaan dan pihaknya juga menerima banyak rungutan mengenai masalah yang sering ditimbulkan oleh kenderaan tersebut.

"Sama ada Inspira atau Perdana Eksekutif dipilih, ia bergantung kepada kerajaan. Proton berharap sebelum suku tahun ketiga sudah ada jawapan dan kata putus," jelasnya.

Beliau dalam masa yang sama mengakui Proton Perdana yang kini digunakan oleh pegawai kanan menerima banyak rungutan dan ramai berpendapat ia patut ditukar kepada model baru.

Info Proton Inspira

- Proton Inspira diasaskan daripada model Mitsubishi Lancer
- Dijual pada harga RM78,999 bagi model 1.8 transmisi manual
- RM91,999 bagi model 2.0 CVT automatik
- Enjin berteknologi Mitsubishi Innovative Valve Timing Electronic Control
- Tampil dengan empat warna iaitu Plum Red, Solid White, Genetic Silver dan Tranquility Black
- Dilengkapi mod penukaran gear secara manual enam kelajuan dengan sistem transmisi automatik INVECS-III (sistem kawalan elektronik kenderaan pintar dan inovasi)